



TEORI SASTERA TEMPATAN DALAM MENGHARUNGI ARUS GLOBALISASI DAN HEGEMONI BARAT

Mohamad Mokhtar Hassan &
Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali

Pengenalan

Globalisasi pada hakikatnya merujuk kepada satu keadaan di mana dunia ini seolah-olah berfungsi sebagai satu entiti. Proses globalisasi bermula apabila masyarakat Barat berjaya untuk menjelajah seluruh penjuru dunia ini dan menggabungkan kawasan-kawasan yang begitu jauh ke dalam satu rangkaian yang berinteraksi antara satu sama lain. Peningkatan teknologi membolehkan keadaan globalisasi sehinggalah dunia ini seolah-olah menjadi kecil dan tidak mempunyai sempadan. Peningkatan dalam teknologi pengangkutan dan perhubungan misalnya telah menghilangkan halangan akibat jarak yang jauh dan masa yang berbeza, dan mewujudkan keadaan dunia tanpa sempadan.

Keadaan dunia tanpa sempadan kini membolehkan maklumat bergerak bebas tanpa halangan. Pergerakan maklumat secara bebas membuat kumpulan manusia terdedah kepada kebudayaan luar dan nilai-nilai yang baru dan berbeza. Pada waktu sekarang ini, perkembangan teknologi tidak membolehkan kita mengasingkan diri kita daripada masyarakat luar lagi. Kita terpaksa berhadapan dengan pendedahan kepada kebudayaan dan nilai-nilai yang berbeza tanpa sebarang halangan ataupun pengubahsuaian. Antara bahaya proses globalisasi adalah kelahiran sebuah kebudayaan sejagat di mana semua nilai manusia menjadi sama. Setiap kebudayaan sebenarnya mempunyai kelebihan tertentu dalam bidang-bidang yang berbeza. Apabila sesuatu kebudayaan itu pupus, ilmu yang terkumpul oleh kebudayaan tersebut juga hilang buat selama-lamanya. Kelahiran satu kebudayaan sejagat dan kehilangan kebudayaan yang pelbagai akan menghilangkan sebahagian daripada ilmu yang terkumpul oleh manusia sebelum ini dan akan merugikan generasi akan datang (Ahmad Hakimi Khairuddin dan Faridah Che Husain dlm *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, 2006: 351 - 352).

Masalah terbesar yang dihadapi oleh Malaysia ataupun mana-mana negara lain di dunia ini akibat proses globalisasi adalah perkembangan kontemporari yang secara langsung dan tidak langsung memasukkan nilai-nilai masyarakat barat ke dalam sistem nilai masyarakat tempatan (*Ibid.*: 370).

Menurut Md. Salleh Yaafar (2002: 126) dalam abad ke-20, wujud dan berkembang pelbagai kesusasteraan dengan latar belakang bangsa, bahasa, pemikiran, dan kebudayaan yang berbeza-beza. Akan tetapi, yang dominan dan

menduduki tempat yang sentral ialah kesusasteraan Barat yang umumnya mendukung semangat dan cita-cita modenisme. Hal ini disebabkan kesusasteraan bangsa-bangsa Barat buat ratusan tahun telah menjajah manusia dan budaya lain di luar lingkungan dunia mereka. Justeru disebabkan penjajahan tersebut, kesusasteraan Baratlah yang disebar luas dan paling dikenali di dunia, sama ada dalam bahasa asli atau dalam terjemahan. Umumnya kesusasteraan Baratlah yang menentukan nilai dan kanun, serta mengemukakan karya agung untuk dijadikan contoh dan ikutan bagi perkembangan kesusasteraan lain yang umumnya dianggap mundur dan perlukan bimbingan. Ia yang bertanggungjawab bagi proses homogenisasi kesusasteraan untuk manusia di seluruh dunia atas nama kesejahteraan cita rasa kesenian. Pada masa yang sama, ia juga merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan merosot dan pupusnya sastra tradisional bangsa-bangsa di luar dunia Barat.

Kehadiran Teori-teori Barat

Pengaruh Barat dalam kesusasteraan Melayu juga amat hebat terutamanya dalam pengenalan teori-teori moden Barat khususnya pada abad ke-20. Teori-teori Barat yang berbagai-bagai nama seperti teori Psikologi, Resepsi, Semiotik, Intertekstualiti, Feno-menologi, Dekonstruksi, Hermeneutik, Strukturalisme-Genetik, Feminisme, dan berbagai-bagai nama teori yang lain amat mendominasi kesusasteraan tanah air. Hinggakan teori-teori Barat diagung-agungkan malah ada sarjana yang cukup fanatik dengan teori-teori Barat. Mereka mendewa-dewakan teori Barat. Para pengkaji mahu-pun para mahasiswa khususnya di peringkat pascasiswazah seboleh-bolelah meneliti karya-karya sastra tempatan dengan mengaplikasikan teori sastra Barat. Demikianlah kesan daripada hegemoni Barat bukan sahaja terhadap kesusasteraan Melayu malah terhadap pemikiran peneliti, pengkaji dan para sarjana tanah air.

Sungguhpun tidak dinafikan keistimewaan-keistimewaan dan kekuatan-kekuatan yang ada pada teori-teori sastra Barat itu, namun dari sudut yang lain, terdapat beberapa kelemahan dan ketidaksesuaian beberapa teori sastra Barat untuk di-aplikasikan terhadap karya sastra Melayu. Sebagai misalannya teori Feminisme yang dicirikan oleh aktiviti politik dalam menentang patriarki dan 'sexism'. Dengan kata lain, teori ini berlandaskan kepada usaha kaum wanita menuntut hak sama rata dengan kaum lelaki. Hal ini bercanggah dengan ajaran agama Islam yang dianuti majoriti masyarakat Melayu di Malaysia kerana pada hakikatnya tidak ada perbezaan di antara lelaki dengan wanita. Begitu juga teori Marxisme yang berlandaskan fahaman komunis yang tidak sesuai dengan amalan dan fahaman masyarakat di Malaysia.

Malahan Hashim Awang pula mendapati terdapatnya kekurangan tertentu dalam teori-teori barat seperti tidak lengkap, bersifat berat sebelah dan memberi perhatian kepada satu-satu aspek sahaja yang menyebabkan kajian tidak sempurna sepertimana teori-teori yang dikemukakan oleh M.H. Abrams, Karl Buhler, Charles Morris atau Roman Jakobson (Mana Sikana, 1997: 103).

Muhammad Haji Salleh pula menyifatkan Foucault, di kalangan pemikir-pemikir Barat yang lain, sebagai "terlalu Eropah, dan terlalu merujuk kepada contoh-contoh Eropah yang kita tidak kenali". Malahan dengan kehadiran banyak teori dari Barat, Timur dan Afrika telah menuntutnya untuk berfikir bagi sastra Melayu (Muhammad Haji Salleh, 1989: 10).

Di samping itu, ada yang melihat oleh kerana Barat pernah menjajah Tanah Melayu, kemerdekaan akan sempurna bila masyarakat Melayu juga bebas daripada penjajahan fikiran Barat. Oleh sebab keterikatan kepada teori Barat bermakna penjajahan fikiran maka ada yang ingin mengembangkan teori sendiri (Umar Junus, 1997: 7). Lanjutan disebabkan kelemahan itu diikuti pula dengan usaha para sarjana tempatan untuk memartabatkan teori-teori sastera tempatan, telah melahirkan beberapa teori sastera tempatan.

Dalam usaha membina teori sastera tempatan, menurut Zawiyah Yahya dalam bukunya yang bertajuk *Resisting Colonialist Discourse* (1994) bahawa adalah sebahagian daripada usaha '*resisting colonialist discourse*', iaitu sebahagian daripada perjuangan melawan hegemoni Barat dari segi politik dan ekonomi, serta melawan hegemoni di bidang ilmu.

Manakala Hashim Awang pula melihat bahawa hakikat keberadaan bangsa Melayu sebagai warga dunia, yang berdaya fikir dan daya cipta, bangsa besar, bertamadun dan berbudaya tinggi, yang memiliki sasteranya sendiri, yang mengerakkan para sarjana untuk memiliki teori ciptaannya sendiri yang khusus. Teori itu untuk memenuhi cita rasa budaya yang terserap dalam sastera Melayu (Ranofla Dianti Irwan, 2002: 9).

Kehadiran Teori-teori Sastera Tempatan

Sejarah kemunculan teori sastera tempatan dapat diselusuri sejak awal tahun 1960-an lagi. Lama sebelum idea pembinaan teori sastera tempatan dikemukakan, ahli sejarah mula mengapungkan idea tersebut dalam disiplin mereka. Sejarawan muda dari Universiti Malaya pada waktu itu, Khoo Kay Kim, mengemukakan gagasan bahawa sejarah Tanah Melayu harus ditulis semula. Sejarah yang ditulis pada waktu itu, yang dikatakan objektif, sebenarnya adalah sejarah kolonial, iaitu sejarah yang diadunkan daripada kaca mata penjajah untuk kepentingan penjajah (A. Rahman Yusof, 199: 10).

Sekitar tahun 1970-an, timbul pula kesedaran bahawa di samping memilih teori asing yang sesuai dengan keadaan tempatan, para sarjana tempatan juga harus berusaha membina teori sendiri. Usaha pembinaan teori tempatan ini berterusan ke dekad 1980-an hingga kini. Hal ini selari dengan kebangkitan Islam di seluruh dunia, lalu timbul desakan daripada kalangan pemikir Islam bahawa pengislaman bukan sahaja terhadap bank, insuran dan pajak gadai, malah ilmu pengetahuan juga wajib diislamkan.

Teori sastera tempatan di Malaysia bermula apabila pada 30 Ogos 1989, Profesor Muhammad Haji Salleh membentangkan syarahan perdananya sempena jawatan Profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tajuk "Puitika Sastera Melayu: Suatu Pertimbangan" yang kemudiannya diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada tahun yang sama.

Teorinya itu dikenali sebagai teori Puitika Sastera Melayu. Teorinya itu mengandungi lima konsep, iaitu konsep teks, genre, pengarang, khalayak dan keindahan. Konsep teks dibahagikan kepada dua, iaitu teks lisan/persembahan dan teks tulisan. Teks lisan/persembahan baginya lebih jelas ditemui dalam karya-karya folklor. Mana-kala teks tulisan jelas dalam karya-karya choreografik (naskah) dan buku

cetakan. Dengan berbekalkan definisi teks yang dikemukakan oleh Roland Barthes, Muhammad menjelaskan konsep teks lisan dan teks tulisan. Teks lisan adalah suatu medan metodologi, bukan suatu buku yang konkrit, dan teks itu dialami hanya dalam suatu kegiatan atau suatu persembahan. Teks adalah suatu yang amat simbolik. Justeru itu, konsep teks lisan bagi Muhammad sebagai "suatu yang lebih besar, yang lebih menyeluruh, yang bukan sahaja mencakupi permulaan, badan dan akhiran cerita, tetapi segalanya yang dipersembahkan dalam ritual-ritual yang mengiringi cerita itu, seperti 'makan pinang', 'makan sirih', berserta mentera yang dibacakan, seni suara, batil/ belanga, topeng-topeng pengkisahan dan juga gerak tunjuk dan isyarat. Ke dalam semua ini dijalankan kata-kata, suara, rentak dan sebagainya" (Muhammad Haji Salleh, 1989: 18).

Manakala konsep teks sastra tulisan pula, Muhammad berpendapat bahawa ia "harus diambil dari daging cerita, mukadimah hikayat dan bait syair yang secara pengkisahan dan dan penjelasan" (*ibid.*: 19). Kesimpulannya, beliau berpandangan bahawa konsep teks adalah luwes (flexible), boleh dilenturkan pengarang, zaman dan keperluan semasa dan peribadi.

Konsep genre pula, Muhammad melihat harus luwes dalam melihat genre-genre Melayu. Beliau memberi contoh dalam mentakrifkan istilah 'penlipur lara' dan 'hikayat'. Ada yang memahami 'penglipur lara' sebagai tukang cerita dan tugasnya, dan juga sebagai suatu jenis cerita atau kategori sastra, Justeru itu dalam mengkaji genre-genre Melayu maka beberapa hal perlu dipertimbangkan.

Konsep pengarang pula bagi Muhammad, pengarang sastra lisan ialah "pawang, dalang, penghulu, penglipur lara dan bidan, yang juga menduduki tempat tinggi dalam masyarakat kecilnya" (*ibid.*: 28).. Manakala konsep khalayak pula dilihat pembaca memainkan peranan yang amat besar kerana bukan sahaja sekadar membaca teks tetapi juga memberi respons intelektual dan emosinya dalam mentafsirkan teks yang dibaca. Konsep keindahan pula, beliau memberikan nilai dasar konsep keindahan budaya prosa Melayu. Pertama, sebuah karya yang indah itu "menceritakan tentang kehidupan sebenar, dan dengan itu mengajar dan membimbing pendengar atau pembacanya" (*ibid.*: 36). Kedua, karya yang asal yang dicipta oleh pengarang pertamanya dihubungkan dengan yang indah kerana dikatakan "sebagai lebih bijaksana, lebih dekat kepada sumber kebenaran" (*ibid.*: 36-37).

Sebagai rumusan dari idea awalnya itu, Muhammad cuba memperlihatkan pentakrifan "kesusasteraan" dari sudut pandangan orang-orang Melayu yang dikatakan lebih menitikberatkan pengajaran dan bimbingan moral. Dalam konsep teks sastra orang-orang Melayu dikatakan mengalami suatu tegangan binari di mana di suatu sudut karya itu suci-mulia dicipta oleh leluhur yang membwa kebenaran sedangkan di pihak lain, pergerakan waktu, bahasa, gaya dan konteks menuntut perubahan dan penyesuaian. Manakala konsep pengarang haruslah dilonggarkan yang meliputi bukan sahaja penulis asli, tetapi juga seorang dalang, penglipur lara, bomoh, bidan dan juga penyalin. Manakala khalayak dilihat sebagai penyumbang kepada penciptaan dan makna sesebuah karya kerana mempengaruhi penyusunan dan panjang-pendek bahagian-bahagian cerita, suasana hati pengarang dan mutu teks. Akhirnya konsep estetika sastra Melayu, sifat-sifat didaktik, kepadatan, kemerduan irama, bahasa dan persembahan, kesesuaian dan kesederhanaan dipentingkan.

Idea awal Muhammad Haji Salleh itu kemudiannya dikembangkan dan akhirnya diterbitkan dalam bentuk buku yang bertajuk *Puitika Sastera Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000). Buku yang setebal 369 halaman itu merupakan penerangan yang mendalam terhadap teori tersebut.

Teori Teksdealime pula merupakan sebuah teori yang diperkenalkan oleh Dr. Mana Sikana, mantan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Gagasan ideanya itu dilontarkan oleh Mana Sikana pada tahun 1993 hingga 1995, apabila ideanya itu disiarkan dalam akhbar mingguan di *Mingguan Malaysia*. Daripada sejumlah artikel yang tersiar itu sebahagian besarnya berhubung dengan teori dan pendekatan kritikan. Setelah beberapa kertas kerja yang telah dibentangkannya, akhirnya pada 1995, beliau menulis sebuah artikel yang bertajuk "Teori Sastera Teksdealisme" yang diterbitkan dalam *Jurnal Rumpun* terbitan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Teksdealisme merupakan cantuman dari dua kata iaitu "teks" dan "idealisme" , iaitu berhubung dengan keunggulan sesebuah teks. Gagasan awal teori ini bergerak dari sebuah premis bahawa sesiapa yang ingin menghasilkan sesebuah karya, sudah tentu dalam fikirannya tertanam keazaman untuk menghasilkan yang terbaik. Begitu juga dengan pengarang, sudah menjadi cita-cita seorang pengarang, untuk menciptakan sebuah sasatera yang unggul dan agung. Untuk menghasilkan sebuah teks yang unggul, seseorang pengarang itu harus ada sifat-sifat berani dan bijaksana.

Teori ini mengandungi empat prinsip, iaitu prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip keindividualisme. Sesebuah teks itu terbina hasil daripada kehadiran-kehadiran pelbagai unsur. Bermula daripada idea, pengalaman, pembentukan teks, penulisan dan penilaian kerja kepengarangan dan pengkhalayakan, semuanya bergerak atas landasan kehadiran. Penghasilan sesebuah teks yang ideal bermula daripada idea dan pengalaman. Idea ialah lintasan-lintasan pemikiran yang bergema dalam kesedaran pengarang yang mengembang, mematang dan akhirnya dijelmakan dalam bentuk teks kreatif. Pengalaman pula ialah sumber yang mencetuskan idea tersebut. Pengalaman berkumpul di rumah pemikiran pengarang yang hadir daripada pelbagai sumber dan rujukan.

Dalam prinsip perlanggaran pula merupakan suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Seseorang pengarang yang sedar konsep kepengaragannya akan cuba memperbaharui setiap teks yang dihasilkannya. Prinsip pengukuhan pula merupakan usaha pendewasaan pengarang untuk penghasilan teks yang unggul dan terunggul. Pengarang akan berikhtiar dengan segala kemampuan yang dimilikinya untuk memperbaiki teks yang dihasilkannya. Tegasnya, pengukuhan adalah usaha pematangan, pengejapan dan penyempurnaan dalam berkarya. Prinsip yang terakhir pula merupakan prinsip keperibadian atau individualisme yang merupakan kemuncak kepada prinsip kehadiran, perlanggaran dan pengukuhan. Setiap pengarang seharusnya berusaha menemui atau mencari peribadi masing-masing dalam berkarya.

Hasil gigih Mana Sikana itu, kemudiannya beliau menghasilkan sebuah buku yang khusus tentang teori itu yang diberikan tajuk *Teori Sastera Teksdealisme* (Singapura: Penerbit Pustaka Karya, 2006). Buku itu merupakan perbincangan yang agak mendalam tentang teori yang diperkenalkannya itu.

Sebuah lagi teori tempatan yang tidak kurang hebatnya ialah teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini telah diperkenalkan oleh Profesor Dr. Hashim Awang, mantan

pensyarah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Menurut Hashim Awang (2002: 1), teori ini termasuk ke dalam golongan teori yang dikenali sebagai *grounded theory* atau "teori beralas/ berlandas" yang terbentuk dari hasil penyelidikan bersifat kualitatif, iaitu di dalamnya terbangun rumusan atau formula yang berupa prinsip-prinsip umum tentang karya atau teks sastra dan amalan-amalan yang berkaitan dengan kesusasteraan Melayu.

Teori ini dilahirkan dengan bertunjangkan kepada dua dasar pengkaedahan utama, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Dengan berpandukan kepada tanggapan terhadap alam melalui perspektif budaya bangsa Melayu dan juga agamanya sendiri, maka pembentukan Pengkaedahan Alamiah dapat diwujudkan dalam tiga rangkaian pendekatan, iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan pendekatan Firasat.

Pendekatan Gunaan melihat karya sastra sebagai suatu objek atau benda ciptaan dalam alam yang juga merupakan suatu kejadian yang mempunyai sebab, hikmat, fungsi, tujuan, ukuran dan imbangan. Malah karya sastra yang dicipta oleh pengarang dengan keizinan Allah, paling utama diteliti dari sudut kegunaan atau kemanfaatan penghasilannya yang dapat diberikan kepada pembaca atau masyarakat, baik dilihat pada tahap ekstrinsik mahupun intrinsik. Dengan kata lain, karya sastra dapat ditanggapi sebagai alat yang boleh memberi guna kepada manusia dan kehidupannya pada kedua-dua peringkat zahir dan batin.

Pendekatan Moral pula dikaitkan dengan karya sastra sebagai suatu penciptaan seni yang menyingkapkan dan menyumbangkan pengalaman serta pengetahuan. Pengalaman yang tersingkap adalah pengalaman pengarang yang dirakamkan atau dipaparkan dalam karya sastra, yang terdiri daripada pemerian mengenai pelbagai ragam atau jenis dan perlakuan serta perbuatan manusia yang dapat pula memperkayakan pengalaman dan juga menjadi cermin perbandingan atau pengibaratan kepada pembaca. Tegasnya, dari karya sastra, pembaca bukan sahaja dapat menimba dan memperkayakan pengalaman serta pengetahuan, tetapi juga mengambil contoh tauladan atau kias ibarat untuk memperbaiki serta mempertingkatkan kehidupan.

Pendekatan Firasat ialah pendekatan yang ditunjangi oleh tanggapan bahawa karya sastra merupakan suatu kejadian alam yang merakamkan dan memanifestasikan pengalaman hidup yang penuh dengan daya kemisterian dan keimajinatifan dan dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai bermakna kepada kehidupan. Ia perlu diberi perhatian untuk menemukan makna atau pengertiannya, seperti mentafsir makna mimpi (ta'bir), iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya. Sastra adalah kejadian alam yang mempunyai makna atau pengertian yang penemuannya itu hanya dapat dilakukan menerusi proses ta'bir atau tafsiran.

Pengkaedahan Keagamaan, iaitu suatu pendekatan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan aqidah agama Islam. Pengkaedahan ini wujud berdasarkan kepada agama Islam sebagai agama anutan masyarakat Melayu. Rujukan paling utama adalah *Al-Quran* dan *Hadith*. Dari pengkaedahan ini maka wujudnya tiga pendekatan, iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni.


Dalam Pendekatan Dakwah, melihat karya sastra sebagai suatu wadah atau sarana untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah.

Sastera ditanggapi sebagai mengandungi persoalan-persoalan yang memaparkan pengisahan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah sehingga ia dapat dijadikan semacam 'kitab' yang darinya pembaca dapat mengenali dan menghayati dengan lebih dekat dan khusyuk tentang diri dan sifat Allah yang demikian bertujuan menambahkan dan mempertingkatkan rasa kecintaan dan kehormatan manusia yang lebih besar dan suci terhadap-Nya.

Pendekatan Kemasyarakatan pula melihat karya sastera sebagai wadah tempat pendedahan segala macam persoalan yang berakarkan kepada tujuan-tujuan memberikan kebaikan dan kesejahteraan kepada masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Sebagai suatu hasil seni yang mengutamakan keintelektualan dan keindahan, karya sastera dalam konteks ini bersesuaian untuk mendedahkan dengan berani, jelas dan benar permasalahan-permasalahan tentang kemungkaran, ketidakadilan, kepura-puraan, kerasuahan, penipuan dan penindasan, iaitu permasalahan-permasalahan yang dianggap sebagai punca kepada berlakunya kepincangan masyarakat dan keruntuhan iman umat Islam.

Pendekatan Seni pula pendekatan yang memberi penumpuan kepada aspek-aspek keindahan dalam karya sastera, iaitu keindahan yang membataskan dirinya kepada nilai-nilai etika yang tunduk kepada akidah dan ajaran suci Islam. Dilihat dalam ajaran dan amalannya, Islam memang mengutamakan kebenaran dan keindahan. Penghasilan karya sastera juga merupakan suatu amalan yang turut dituntut supaya membentuknya dalam acuan yang ada keteraturan dan keindahan, terutamanya keindahan yang memiliki nilai-nilai makna dan hikmah seperti yang terdapat pada keindahan alam semesta dari ciptaan Allah.

Secara ringkasnya, teori Pengkaedahan Melayu dapat dirajahkan sepertimana di bawah ini:



Sebuah lagi teori ialah Teori Konseptual Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan. Falsafah teori ini ialah seseorang pengarang itu dapat dikatakan mempunyai konsepsinya yang tersendiri terhadap sesuatu isu, hal, perkara atau objek dan sebaiannya. Hal yang sama juga bagi individu yang lain. Konsepsi seseorang pengarang itu bukan sahaja dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan, pekerjaan, masyarakat, kepercayaan, ideologi, pertubuhan yang diperjuangkan oleh pengarang itu dan sebagainya tetapi juga berkemungkinan berubah dengan berlakunya peredaran umur, masa dan zaman. Konsepsi dalam bahasa Inggeris "conception" bermaksud "notion" atau "idea" (*Kamus Inggeris-Melayu Dewan*, 1992: 284). Dalam melihat konsepsi seseorang pengarang itu, dapat diteliti daripada kata-kata yang digunakan dalam karya. Kata-kata yang ditemui dalam karya atau beberapa karya pengarang itu dinamakan sebagai kata kunci.

Teori ini mengandungi tiga prinsip,¹ iaitu:

- i. Kepengaruhan
- ii. Pemilihan kata
- iii. Kesan

Prinsip pertama, iaitu kepengaruhan dihubungkan dengan pengarang atau pengkarya. Berbagai-bagai faktor yang mempengaruhi konsepsi seseorang pengarang atau pengkarya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek atau sebagainya. Antaranya faktor latar belakang pengarang seperti pendidikan, pekerjaan, keluarga, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi, politik, pertubuhan yang diperjuangkan dan sebagainya. Faktor umur, masa dan peredaran zaman juga sedikit sebanyak memainkan peranan dalam menentukan konsepsi seseorang pengarang itu. Faktor-faktor ini turut menen-tukan penerusan atau perubahan konsepsi seseorang pengarang atau pengkarya itu.

Justeru itu dalam memahami konsepsi seseorang pengarang itu dengan mendalam, seseorang peneliti atau pengkaji yang ingin menerapkan teori ini harus mengenali latar belakang pengarang dan lain-lain faktor yang berkaitan yang mempengaruhi diri pengarang. Sebagai misalannya untuk mengenali konsep kemiskinan Usman Awang yang dikemukakan dalam karya-karya cerpennya, seorang peneliti harus mengenali latar belakang dan latar belakang keluarganya. Begitu juga untuk mengenali konsep perjuangan Keris Mas yang dikemukakan dalam cerpennya, seorang pengkaji harus mengenali latar belakang Keris Mas dan penglibatannya dengan beberapa pertubuhan yang diceburinya. Dengan mengenali latar belakang dan sebagainya, seorang peneliti atau pengkaji dapat memahami konsepsi pengarang dengan lebih jelas.

Prinsip kedua, iaitu pemilihan kata, dihubungkan dengan karya sastera. Dalam prinsip ini pengarang atau pengkarya akan menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsinya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek dan sebagainya. Kata-kata bagi sesuatu konsep itu akan sentiasa melingkari minda seseorang pengarang atau pengkarya. Kata-kata bagi sesuatu konsep itu akan dapat ditemui dalam karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang atau pengkarya. Sebagai analoginya, seorang kanak-kanak apabila ditanya tentang hari raya maka terlintas dalam mindanya "duit", "baju" dan "kasut" dan sebagainya. Kata-kata ini merupakan kata kunci yang melingkari konsep Hari Raya bagi seorang

¹ Untuk keterangan lanjut sila lihat Mohamad Mokhtar Hassan, *Teori Konseptual Kata Kunci*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

kanak-kanak. Berlainan pula bagi orang dewasa, kata-kata yang melingkari mindanya apabila memperkatakan konsep Hari Raya ialah "silaturahim", "bermaaf-maafan" dan "kunjung-mengunjungi".

Prinsip ketiga, iaitu kesan dihubungkan dengan pembaca. Konsepsi seseorang pengarang atau pengkarya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek dan sebagainya dapat diperolehi oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya atau karya-karya yang dibaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan oleh pengarang. Kejayaan menemui konsepsi seseorang pengarang atau pengkarya itu akan terhasil apabila konsepsi yang dikemukakan oleh khalayak pembaca itu menyamai konsepsi yang dikemukakan oleh pengarang atau pengkarya. Dalam hal ini, untuk mendapatkan konsepsi seseorang pengarang dengan lebih objektif, seseorang peneliti atau pengkaji itu harus memahami hal-hal yang berhubung dengan ekstrinsik pengarang dengan lebih mendalam.

Di samping beberapa teori yang telah dibincangkan di atas tadi, terdapat beberapa teori lain yang telah diperkenalkan oleh para sarjana dan pengkaji sastera tempatan. Antaranya ialah teori Takmilah dan teori Persuratan Baru. Kedua-dua teori ini juga mendapat sambutan dan pengaruhnya daripada peneliti dan pengkaji sastera tempatan.

Kesimpulan

Dalam menghadapi arus globalisasi dan hegemoni Barat, maka para sarjana Melayu di Malaysia sudah melihatkan akan kesannya terhadap kesusasteraan Melayu serta teori sastera Barat terhadap kesusasteraan Melayu. Menyedari hakikat itu, maka diusahakan beberapa teori sastera tempatan yang didapati lebih sesuai untuk diaplikasikan terhadap karya-karya sastera Melayu. Jelasnya, kini teori-teori tempatan sudah mula dikenali malah telah mendapat sambutan dan pengaruhnya. Sambutan dan pengaruh yang paling jelas ialah dengan terdapat beberapa calon pascasiswazah yang telah berjaya menghasilkan tesis PhD mereka dengan mengaplikasikan teori sastera tempatan. Kejayaan mereka menghasilkan tesis PhD dengan mengaplikasikan teori sastera tempatan memperlihatkan bahawa teori sastera tempatan tidak kurang hebatnya dengan teori sastera Barat. Namun hal yang tidak dikesampingkan ialah agar kesusasteraan Melayu khususnya teori tempatan tidak akan terhapus dengan hadirnya arus globalisasi dan hegemoni Barat.

Rujukan

- A. Rahman Yusof, "Adakah Kita Memerlukan Teori Sastera Tempatan?", *Dewan Sastera*, November 1999.
- Ahmad Hakimi Khairuddin dan Faridah Che Husain dlm *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Mana Sikana (peny.), *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*, Bangi: Jabatan Persuaratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.

- Md. Salleh Yaapar, "Teori Sastera Mandiri dalam Perkembangan Globalisasi", kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kritikan Sastera Melayu Serantau, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Hotel Parkroyal, Kuala Lumpur pada 24 - 26 September 2001.
- Mohamad Mokhtar Hassan, *Teori Konseptual Kata Kunci*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Muhammad Haji Salleh, *Puitika Sastera Melayu: Suatu Pertimbangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.
- Ranofla Dianti Irwan, "Sekitar Perbahasan Teori Sastera Melayu", dlm. *Berita Minggu*, 14 Julai 2002.
- Umar Junus, "Teori dan Kreativiti: Problematik Pengembangan Teori Sendiri", kertas kerja yang dibentangkan dalam Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Hotel The Summit, Subang USJ ! pada 6 - 8 Disember 1999.
- Zawiyah Yahya, *Resisting Colonialist Discourse*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994.